



## **TEKS UCAPAN**

**YANG BERHORMAT DATO SERI SETIA  
Ir. AWANG HAJI SUHAIMI BIN HAJI GAFAR  
MENTERI PEMBANGUNAN**

**MAJLIS PELANCARAN  
SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2020  
“KEMAJUAN BERPERANCANGAN DAN SEPADU, PERSEKITARAN BERKUALITI”  
(QUALITY ENVIRONMENT THROUGH PLANNED AND INTEGRATED  
DEVELOPMENT)**

pada:

**Hari Khamis, 03 Rabiulakhir 1442H  
bersamaan 19 November 2020M**

**bertempat:**

**Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan**

**Jam:**

**2.45 Petang**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ  
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئِمَّةِ وَالْمُسْلِمِينَ  
سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَيْهِ وَصَحْبِيهِ أَجْمَعِينَ

Yang Mulia

Dato Seri Paduka Ar. Haji Marzuke bin Haji Mohsin

Timbalan Menteri Pembangunan;

Yang Berhormat,

Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Hj Abd Rahman

Ahli Mesyuarat Negara;

Yang Mulia

Dayang Marsita binti Omar

Pemangku Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa, selaku Pengerusi Majlis;

Yang Mulia Setiausaha-Setiausaha Tetap; Timbalan Setiausaha Tetap;

Ketua Pengarah Kerja Raya, Pengarah-pengarah, Pegawai –Pegawai Kanan.

Sidang Hadirin hadirat yang dihormati sekalian.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera dan Selamat Petang

1. Alhamdulillah, bersyukur kita kehadrat Allah Subbanahu Wataála kerana dengan limpah dan kurnia Nya jua kita dapat berkumpul pada petang ini bagi sama-sama meraikan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2020 dengan tema **“Persekutaran Berkualiti melalui Kemajuan Berperancangan dan Sepadu,”**, dan juga diselajurkan dengan **Pelancaran buku-buku Garis panduan dan Piawaian Perancangan bagi Pemecahan dan Penyatuan Strata, Kemajuan Sekolah dan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak serta Garis Panduan Supplementari Insentif Perancangan Pemecahan dan Penyatuan Strata bagi Kemajuan Perumahan.**
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-setinggi penghargaan dan tahniah kepada Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan kerana dapat mengungkayahkan sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia pada tahun ini walaupun secara sederhana, termasuk juga dapat menerbitkan dua buah buku garis panduan dan piawaian perancangan serta sebuah *Supplementary Guideline* edisi baru pada hari ini. Usaha-usaha penambahbaikan secara progresif ini adalah sangat-sangat dialu-alukan oleh pihak Kementerian Pembangunan, dan adalah merupakan antara usaha dan inisiatif perancangan yang murni bagi mengwujudkan kemajuan yang teratur, *inclusive*, mampan dan berdaya saing, di samping memberi manfaat kepada masyarakat secara

menyeluruh seiring dengan matlamat strategik Wawasan Negara Brunei 2035 iaitu Memastikan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran; mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi; serta ekonomi negara yang dinamik dan berdayatahan.

Hadirin hadirat sekalian,

3. Tema sambutan pada tahun ini iaitu "**Persekutaran Berkualiti melalui Kemajuan Berperancangan dan Sepadu**" atau ***Quality Environment Through Planned and Integrated Development*** sememangnya amat relevan dan signifikan lebih lebih lagi di dalam menanggani penomena perubahan iklim pada masa ini yang setentunya memerlukan pendekatan penyelarasan penggunaan tanah dan kemajuan yang berperancangan dan sepadu. Kesan perubahan iklim dapat dirasai disetiap negara, antaranya keadaan cuaca yang berubah-ubah serta kenaikan paras air laut, jika tidak dikawal dan di *mitigate* secara berkesan akan menjelaskan kehidupan kita seperti kesan berlakunya kejadian banjir kilat, tanah susur dan sebagainya. Semua ini merupakan bukti jelas yang semakin membimbangkan. Jesteru itu, keutamaan untuk memastikan persekitaran yang berkualiti serta selamat melalui kemajuan yang berperancangan dan sepadu adalah sangat sangat dititikberatkan.
  
4. Apa jua keputusan mengenai Penggunaan dan Kemajuan Tanah hari ini jika tidak dilaksanakan secara berperancangan dan sepadu akan mendatangkan impak kepada generasi kitani masa depan. Melalui Majis

Perancangan Guna Tanah Kebangsaan yang di Pengerusikan bersama oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan, Penggunaan dan Kemajuan Tanah di Negara ini dinilai dan diteliti terlebih dahulu sebelum menimbangkannya dengan berasaskan kepada pelan-pelan pembangunan tanah mengikut perancangan yang disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

5. Oleh itu, adalah penting bagi Jabatan Perancang Bandar dan Desa untuk memantapkan lagi fungsi perancangan guna tanah melalui penyediaan pelan-pelan pembangunan dengan memastikan ianya dikemaskinikan supaya ia tetap relevan dan memenuhi keperluan dan perkembangan semasa serta dapat digunakan sebagai halatuju kemajuan di negara ini.
6. Penerbitan Garispanduan dan Piawaian Perancangan bagi Pemecahan dan Penyatuan Strata adalah antara initiatif Kementerian Pembangunan melalui jabatan Perancang Bandar dan Desa di dalam matlamat strategik Majlis Perancangan Guna Tanah Kebangsaan untuk meoptimakan penggunaan tanah serta kemajuan ruang kawasan dengan membuka peluang-peluang pemilikan hak milik secara strata. Adalah diharapkan ianya akan dapat menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara khususnya di dalam sektor industri pembinaan dan jual beli tanah dan bangunan, termasuk memberikan peluang-peluang pekerjaan disamping menyumbang ke arah mewujudkan kawasan persekitaran kemajuan yang menarik. Melalui usaha ini, ianya juga diharapkan akan dapat memudahkan proses pemilikan rumah dinegara ini seiring dengan

matlamat strategik Wawasan Negara di dalam meningkatkan kualiti kehidupan yang bermutu tinggi.

7. Di samping ini juga, dengan tawaran beberapa insentif perancangan bagi pemecahan dan penyatuan strata, khusus bagi kemajuan perumahan, saya menyeru kepada pihak pemaju serta para (QP) qualified persons yang terlibat secara langsung dalam industri pembinaan di negara ini supaya akan dapat menggunakan insentif berkenaan bagi menjana *creativity* dan inovasi masing-masing, di dalam sama-sama menyumbang kearah mewujudkan kawasan perumahan yang menarik, mempunyai ciri ciri identiti tertentu serta pengenalpastian sebahagian ruang kawasan untuk dikongsi secara berkesan bagi menjana pembentukan hidup berjiran yang harmoni dan sepakat.
8. Penerbitan Buku Garispanduan dan Piawaian Perancangan bagi Kemajuan Sekolah dan Pusat Pusat Penjagaan kanak-kanak adalah merupakan *usahasama* antara pihak Kementerian Pembangunan, Kementerian Pendidikan serta Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan didalam sama-sama menyumbang kearah mewujudkan persekitaran pembelajaran yang teratur dan selamat. Adalah diharapkan dengan penerbitan buku garispanduan berkenaan akan dapat dijadikan panduan pihak pemaju atau pengusaha sekolah dan pusat-pusat penjagaan kanak-kanak di negara ini di dalam memastikan kualiti kemajuan berkenaan bermutu tinggi dan selamat, disamping akan dapat membukakan

peluang–peluang pekerjaan khususnya bagi para belia yang melibatkan diri didalam bidang pendidikan di negara ini.

Hadirin hadirat sekalian,

9. Dengan terbinanya Jambatan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien, ianya merupakan satu mercu tanda utama negara yang berhasil untuk menghubungkan Daerah Temburong dengan Daerah Brunei Muara, Tutong dan Belait. Adalah dihasratkan ianya akan sekaligus berperanan selaku *catalyst* di dalam membuka berbagai peluang perekonomian khususnya di dalam menyumbang kepada peningkatan tahap ekonomi dan kualiti kehidupan di negara ini.
  
10. Walaubagaimanapun di dalam meseimbangkan pembukaan peluang-peluang kemajuan berkenaan dengan keperluan untuk mengekalkan identiti Daerah Temburong sebagai *the Green Jewel of Brunei*, *Keutamaan* pengurusan guna tanah dan kemajuan perlu diselaras secara berperancangan dan sepadu bersama pihak–pihak yang terlibat dengan kemajuan di daerah tersebut. Ini termasuklah meoptimakan kemajuan guna tanah dengan mengambilkira peranan serta peluang kemajuan di peringkat mukim dan kampong di daerah tersebut tanpa mengubah identiti asal yang dikira sangat *unique* berbanding dengan persekitaran kemajuan yang terdapat di daerah lain. Penyediaan infrastruktur yang mencukupi dan teratur juga perlu untuk dipastikan di dalam merancang satu satuu kemajuan di kawasan tertentu.

11. Selain mengutamakan aspek perancangan guna tanah bagi mengwujudkan kemajuan dan persekitaran yang berkualiti, penyelarasan kepada peraturan-peraturan kemajuan yang terdapat di agensi-agensi lain yang ada kaitan dan mempunyai kepentingannya, perlu juga diambil perhatian yang sewajarnya, agar ianya *consistent*. Agensi-agensi yang berkepentingan perlu memastikan peraturan-peraturan yang digunakan adalah relevan dan mencukupi bagi menanggani isu kemajuan yang sedia ada dan yang akan datang. Ini termasuklah usaha untuk melaksanakan penguatkuasaan secara bersepada serta tindakan yang perlu diambil ke atas kemajuan-kemajuan yang melanggar peraturan bagi mengelakkan sebarang kekeliruan di pihak orang ramai disebabkan oleh pertindihan bidang kuasa yang terdapat di pihak yang mempunyai kepentingan masing-masing. Disamping ini juga, kesedaran dan kefahaman pihak awam mengenai peraturan-peraturan yang dikuatkuasa termasuk tujuan utama kenapa peraturan berkenaan diperkenalkan adalah sangat penting khususnya di dalam sama-sama menyumbang kearah mengwujudkan persekitaran kemajuan yang berkualiti serta selamat.
12. Sehubungan dengan ini, bermula pada tahun hadapan (2021), In Shaa Allah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa akan mula melaksanakan pengenaan kompaun ke atas mana-mana kemajuan yang melanggar peraturan, selaras dengan kehendak Peraturan-Peraturan Perancangan Bandar dan Desa (Komposisi Kesalahan), 2018. Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun adalah bagi kesalahan-kesalahan di bawah Bab 23,

Perintah Perancangan Bandar dan Desa 2015 yang mana setiap kesalahan akan dikenakan denda tidak melebihi B\$500. Adalah diharapkan dengan penguatkuasaan perintah ini, ianya akan dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan saksama bagi kebaikan bersama khusus didalam mewujudkan persekitaran kemajuan yang teratur, selamat serta memberi manfaat kepada orang ramai.

13. Buat akhirnya, peramba/saya tidak lupa merakamkan ucapan terima kasih kepada Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa kerana mengundang saya selaku Tetamu Kehormat di Majlis ini, dan juga ucapan tahniah dan penghargaan kepada Jabatan Perancang Bandar dan Desa, terutama sekali kepada semua ahli-ahli Jawatankuasa yang terlibat bagi menjayakan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia pada tahun ini.

Sekian

Wabilahitaufik Walhidayah

Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh